

Malaysia vastly undercounting poverty, says UN rights expert

KUALA LUMPUR (23 August 2019) – Malaysia lays claim to the world’s lowest national poverty rate by using an unduly low poverty line that does not reflect the cost of living and by excluding vulnerable populations from its official figures, [said](#) UN human rights expert Philip Alston at the end of a mission to the country.

“While Malaysia has achieved undeniably impressive growth in reducing poverty in the last 50 years, the official claim that poverty has been eradicated, or exists merely in small pockets in rural areas, is incorrect and has crippled policymaking,” Alston, the UN Special Rapporteur on extreme poverty and human rights, said as his 11-day visit ended.

Malaysia’s official poverty rate dropped from 49 per cent in 1970 to just 0.4 per cent in 2016. However, the national poverty line of RM 980 (US\$235) per household per month would see an urban family of four surviving on RM 8, or less than US\$2, per person per day.

“This is a tragically low line for a country on the cusp of attaining high income status, especially since a range of rigorous independent analyses have suggested a more realistic poverty rate of 16-20 per cent, and about nine per cent of households survive on less than RM 2,000 (US\$479) per month,” Alston said.

“Actual poverty rates are much higher than official figures suggest, and the Government needs to reassess how it measures poverty so that the hardship many Malaysians experience is not conjured out of existence by a statistical sleight of hand.

“Malaysia’s new Government should urgently reconsider its approach if the country is to make any real progress on this issue.

“Despite near-universal healthcare and high school enrolment rates for citizens, and a growing economy, large parts of the population are being left behind and many people living above the official poverty line are in fact in poverty,” Alston said. “I spoke with families who have struggled to pay their rent, whose children could not afford to go to school, and who went without healthcare because of the cost of transportation.”

“Undercounting has also led to underinvestment in poverty reduction and an inadequate social safety net that does not meet people’s needs. A fragmented social

protection system is putting many people's rights to food, housing, and education at risk."

Alston also highlighted that poor people in Malaysia suffered disproportionate violations of their civil and political rights, including in prisons and in the legal system.

"Indigenous peoples suffer much higher rates of poverty, and despite laudable commitments by the Government to ensure their rights, the customary land of indigenous communities remains under siege, jeopardising their livelihoods, food security, and access to traditional medicines. I was troubled to hear state officials speak of the need for indigenous communities to 'adapt' and relocate to urban areas in order to secure their rights," Alston said.

"Millions of non-citizens including migrants, refugees and stateless people are barred from the public school system, face severe barriers to accessing healthcare, and are often unable to work legally, yet are systematically excluded from official poverty statistics.

"Migrant workers, who are ubiquitous in the Malaysian labour force, are driven into poverty and set up for exploitation by a combination of unscrupulous recruitment agents and employers, harsh immigration policy, lax enforcement of labour protections, and the risk of deportation for pursuing their rights.

"The Government should urgently revise the way it measures poverty to bring it into line with the country's cost of living, and it should include vulnerable non-citizen groups in the new measure. It should also stop arbitrarily withholding information that is crucial to understanding poverty and inequality, such as household survey microdata.

The Special Rapporteur travelled to Kuala Lumpur, Selangor, Sarawak, Sabah, and Kelantan during his visit to Malaysia, and met state and federal Government officials, international agencies, civil society, academics, and people affected by poverty in urban and rural areas. He visited a soup kitchen, a women's shelter, a children's crisis centre, low-cost housing flats, a disability centre, indigenous communities, and informal settlements and schools.

"The Malaysians I met who were struggling to get by or to provide support to those in need deserve better than to be told by policymakers that poverty does not exist, in direct contradiction of their own experiences," Alston said. "Malaysia has made real progress on a range of progressive commitments, but the new government should not deny the existence of the poor and marginalised. Instead, it should step up efforts to fulfil their rights."

The Special Rapporteur will present a comprehensive report with his conclusions and recommendations to the Human Rights Council in Geneva in June 2020.

ENDS

Photos from the Special Rapporteur's visit to Malaysia are available for journalists' use at <https://srpoverty.org/country-visits/malaysia/>.

Mr. Philip Alston (Australia) took up his functions as the [Special Rapporteur on extreme poverty and human rights](#) in June 2014. As a Special Rapporteur, he is part of what is known as the [Special Procedures](#) of the Human Rights Council. Special Procedures, the largest body of independent experts in the UN Human Rights system, is the general name of the Council's independent fact-finding and monitoring mechanisms that address either specific country situations or thematic issues in all parts of the world. Special Procedures experts work on a voluntary basis; they are not UN staff and do not receive a salary for their work. They are independent from any government or organization and serve in their individual capacity.

Follow the Special Rapporteur on **Twitter** [@Alston_UNSR](#) and **Facebook** at www.facebook.com/AlstonUNSR

UN Human Rights, Country Page — [Malaysia](#)

For more information and **media requests**, please contact: Ms Rebecca Riddell (rebecca.riddell@nyu.edu; +60 19 952 9851; +1 512 663 6614) and Ms Juana Sotomayor (jsotomayor@ohchr.org; + 41 79 444 3702)

For **media inquiries** related to other UN independent experts please contact: Mr. Jeremy Laurence, UN Human Rights – Media Unit (+41 22 917 9383 / jlaurence@ohchr.org)

Follow news related to the UN's independent human rights experts on Twitter [@UN_SPExperts](#).

Concerned about the world we live in? Then **STAND UP for someone's rights today**. #Standup4humanrights and visit the web page at <http://www.standup4humanrights.org>



Malaysia menghitung rendah kemiskinan secara ketara, kata pakar hak PBB

KUALA LUMPUR (23 Ogos 2019) - Malaysia telah mendakwaia mencatat kadar kemiskinan negara yang terendah di dunia dengan menggunakan garis kemiskinan yang terlalu rendah yang tidak mencerminkan kos sara hidup dan yang tidak mengambil kira penduduk yang terpinggir dalam angka-angka rasminya, kata pakar hak asasi manusia PBB, Philip Alston pada akhir misinya ke negara ini.

"Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia telah mencapai pertumbuhan yang mengagumkan dalam mengurangkan kemiskinan dalam tempoh 50 tahun yang lalu, dakwaan rasmi bahawa kemiskinan telah dibasmikan atau hanya wujud dalam kelompok-kelompok kecil di kawasan luar bandar adalah tidak tepat dan ini telah melumpuhkan penggubalan dasar," kata Philip Alston, Pelapor Khas PBB

tentang kemiskinan tegar dan hak asasi manusia pada akhir lawatan selama 11 hari ke negara ini.

Kadar kemiskinan rasmi Malaysia telah turun dari 49 peratus pada tahun 1970 kepada hanya 0.4 peratus pada tahun 2016. Bagaimanapun, dengan garis kemiskinan negara sebanyak RM 980 (\$ 235) sebulan bagi setiap isi rumah, keluarga seramai empat orang di kawasan bandar akan bertahan hidup dengan RM 8, atau kurang daripada \$ 2 bagi setiap seorang sehari.

"Garis kemiskinan serendah ini adalah tragik bagi sebuah negara yang hampir mencapai status berpendapatan tinggi, lebih-lebih lagi apabila terdapat pelbagai analisis yang telah mencadangkan kadar kemiskinan yang lebih realistik sebanyak 16-20 peratus, dan kira-kira sembilan peratus daripada isi rumah masih hidup dengan kurang daripada RM2,000 (\$ 479) sebulan," kata Alston. "

"Kadar kemiskinan sebenarnya adalah jauh lebih tinggi daripada yang digambarkan oleh angka-angka rasmi, dan kerajaan perlu menilai cara ia mengukur kemiskinan semula supaya kesusahan yang dihadapi oleh ramai rakyat Malaysia tidak dilesapkan begitu sahaja dengan memandang ringan pada statistik."

Kerajaan baru perlu segera menilai pendekatannya semula jika negara ingin mencapai sebarang kemajuan untuk menangani isu ini."

"Meskipun terdapat penjagaan kesihatan yang hampir sejagat dan kadar pendaftaran sekolah yang tinggi bagi warganegara serta ekonomi yang terus berkembang maju, sebahagian besar penduduk masih ketinggalan dan ramai yang dikatakan hidup di atas garis kemiskinan rasmi adalah sebenarnya masih hidup dalam kemiskinan," kata Alston.

"Saya berbual dengan keluarga yang bersusah-payah untuk membayar sewa, yang anak-anaknya tidak mampu untuk pergi ke sekolah, dan yang tidak mendapat penjagaan kesihatan disebabkan oleh kos pengangkutan," katanya.

Penghitungan rendah juga telah membawa kepada kurangnya pelaburan dalam usaha mengurangkan kemiskinan serta jaring keselamatan sosial yang tidak mencukupi dan yang tidak memenuhi keperluan rakyat. "Sistem perlindungan sosial yang terfragmentasi telah menimbulkan risiko terhadap hak orang ramai terhadap makanan, perumahan, dan pendidikan."

Alston juga menyerlahkan bahawa orang miskin di Malaysia juga mengalami pencabulan hak sivil dan politik mereka yang tidak setimpal, termasuk di dalam penjara dan dalam sistem perundangan."

Orang-orang asli telah menanggung penderitaan kadar kemiskinan yang lebih tinggi, dan walaupun terdapat komitmen kerajaan yang wajar dipuji untuk menjamin hak mereka, tanah adat masyarakat orang asli masih terperangkap, lantas turut menjejaskan kehidupan, jaminan makanan, dan akses kepada

perubatan tradisional mereka. "Saya amat terganggu bila mendengar pegawai negeri bercakap tentang perlunya masyarakat orang asli 'menyesuaikan diri' dan ditempatkan semula ke kawasan bandar untuk mendapatkan hak mereka," kata Alston.

Berjuta-juta bukan warganegara termasuk pendatang, pelarian, dan orang tiada kerakyatan disekat daripada sistem persekolahan awam, menghadapi halangan yang amat ketat untuk mendapat kemudahan penjagaan kesihatan, dan sering tidak dapat bekerja secara sah, namun tetap dikecualikan daripada statistik kemiskinan rasmi secara sistematik.

"Pekerja migran, yang berada di mana-mana jua dalam pasukan buruh Malaysia, telah didorong ke arah kemiskinan dan dijadikan mangsa untuk dieksploitasikan oleh kombinasi ejen dan majikan yang tidak bertanggungjawab, dasar imigrasi yang keras, penguatkuasaan undang-undang perlindungan buruh yang lemah, dan risiko dihantar pulang kerana cuba membuat tuntutan terhadap hak mereka.

"Kerajaan harus segera mengkaji semula cara ia mengukur kemiskinan supaya ia sejajar dan selaras dengan kos sara hidup negara, dan ia harus merangkumkan kumpulan bukan warganegara yang mudah terdedah itu. Kerajaan juga harus menghentikan penyekatan maklumat yang amat penting untuk memahami kemiskinan dan ketidaksamaan, seperti kaji selidik data mikro isi rumah," kata Alston.

Pelapor Khas telah menjelajah Kuala Lumpur, Selangor, Sarawak, Sabah, dan Kelantan semasa lawatan beliau ke Malaysia, dan telah bertemu dengan pegawai kerajaan negeri dan persekutuan, agensi antarabangsa, masyarakat sivil, ahli akademik, dan rakyat yang terjejas oleh kemiskinan di kawasan bandar dan luar bandar. Beliau telah melawat sebuah dapur kebajikan yang menyediakan makanan percuma untuk orang miskin dan mereka yang tiada tempat berteduh, tempat perlindungan wanita, pusat krisis kanak-kanak, rumah pangsa kos rendah, pusat orang kurang upaya, komuniti orang asli, dan penempatan tidak formal serta sekolah- sekolah tidak formal.

"Orang Malaysia yang saya temui yang berasusah-payah untuk meneruskan kehidupan atau memberi sokongan kepada golongan yang memerlukan, wajar diberi layanan yang lebih baik daripada hanya diberitahu oleh penggubal dasar bahawa kemiskinan itu tidak wujud, yang bercanggah secara langsung dengan pengalaman mereka sendiri," kata Alston. "Malaysia telah mencapai kemajuan yang nyata dalam pelbagai komitmen progresif, tetapi kerajaan baru tidak harus menafikan kewujudan golongan miskin dan yang terpinggir dan sebaliknya harus meningkatkan usaha untuk memenuhi hak mereka."

Pelapor Khas akan membentangkan satu laporan komprehensif berserta kesimpulan dan syor-syornya kepada Majlis Hak Asasi Manusi di Geneva pada bulan Jun 2020.

AKHIR

Gambarfoto dari lawatan Pelapor Khas ke Malaysia boleh didapati untuk kegunaan wartawan di <https://srpoverty.org/country-visits/malaysia/>.

Encik Philip Alston (Australia) mengambil alih fungsinya sebagai Pelapor Khas mengenai kemiskinan tegar dan hak asasi manusia pada bulan Jun 2014. Sebagai Pelapor Khas, beliau adalah sebahagian daripada apa yang dikenali sebagai Prosedur Khas Majlis Hak Asasi Manusia. Prosedur Khas, sebuah badan terbesar pakar bebas dalam sistem Hak Asasi Manusia PBB, adalah nama umum mekanisme mencari fakta dan pemantauan bebas yang menangani sama ada situasi negara atau isu tematik di seluruh dunia. Pakar Prosedur Khas 'bekerja secara sukarela; mereka bukan staf PBB dan tidak menerima gaji untuk kerja mereka. Mereka bebas daripada mana-mana kerajaan atau organisasi dan berkhidmat dalam kapasiti individu mereka.

Ikuti Pelapor Khas di **Twitter** @Alston_UNSR dan **Facebook** di www.facebook.com/AlstonUNSR

Untuk maklumat lanjut dan **permintaan media**, sila hubungi Rebecca Riddell (rebecca.riddell@nyu.edu; 60 19 952 9851; 1 512 663 6614) dan Juana Sotomayor (jsotomayor@ohchr.org; 41 79 444 3702)

Untuk pertanyaan media yang berkaitan dengan pakar bebas PBB yang lain, sila hubungi Jeremy Laurence, Unit Hak Asasi Manusia PBB (41 22 917 9383 / jlaurence@ohchr.org)